

P.U. (A) 120/2015

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (KETIDAKPAKAIAN PENGGAL 5
BAHAGIAN VI) (DANA BORONG)(PINDAAN) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 315 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Ketidakpakaihan Penggal 5 Bahagian VI) (Dana Borong)(Pindaan) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2015.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Ketidakpakaihan Penggal 5 bahagian VI) (Dana Borong) 2012 [*P.U.(A) 477/2012*] dipinda dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

“Ketidakpakaihan Penggal 5 Bahagian VI Akta

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), peruntukan Penggal 5 Bahagian VI Akta tidak terpakai berkenaan dengan apa-apa terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa unit berhubung dengan sesuatu dana borong—

(a) yang ditubuhkan dengan Suruhanjaya di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan

(b) yang dibuat oleh seseorang kepada pelabur yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 6 atau 7 Akta.

(2) Seseorang yang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa unit berhubung dengan sesuatu dana borong kepada pelabur yang dinyatakan dalam subperenggan (1) hendaklah mematuhi apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1) Akta.”.

Di buat 1 Jun 2015

[KK/SID/P/(S)/483/669/4(2); PN(PU2)662/IX]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

Menteri Kewangan Kedua